



Ruj. Kami : KKM.600-17/1/24 JLD 4 (51)  
Tarikh : 08 Mac 2021

## SENARAI EDARAN

YBhg Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan,

### PANDUAN *PRIVILEGING* PENGURUSAN IBADAH PESAKIT BAGI AUDIT PENSIJILAN HOSPITAL MESRA IBADAH KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA BAGI TAHUN 2022

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Bagi memberi pengiktirafan kepada hospital-hospital di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang telah melaksanakan Program Hospital Mesra Ibadah (HMI) sejak beberapa tahun kebelakangan ini, Sekretariat HMI KKM dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) akan mengadakan Audit Pensijilan HMI di semua hospital yang melaksanakannya.

3. Sekretariat HMI telah mengemaskini Manual Audit Pensijilan HMI pada tahun 2020 dengan mengambil kira keperluan pada **Standard 5: Aktiviti Keselamatan Dan Peningkatan Kualiti** iaitu pemantauan indikator yang dijalankan bagi memastikan konsep HMI dilaksanakan secara menyeluruh. Susulan daripada itu, Panduan *Privileging* Pengurusan Ibadah Pesakit telah dibangunkan sebagai dokumen tambahan terhadap Manual Audit HMI ini. Oleh yang demikian, bermula tahun 2022, perkara ini akan diambil kira dalam pemarkahan akhir audit.

4. Mohon YBhg Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan untuk memaklumkan perkara ini kepada Jawatankuasa HMI di hospital masing-masing. Kerjasama YBhg Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan dalam perkara ini amat dihargai dan diucapkan terima kasih.

Sekian.


**"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

(DR AHMAD RAZID SALLEH)

Pengarah Perkembangan Perubatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia



CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT NO.: QMS 01897



CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT NO.: QMS 01897



CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT. NO.: MY-QMS 01897

s.k

TKPK (P)

Timbalan Pengarah  
Cawangan Perkembangan Perkhidmatan Perubatan

Ketua Unit  
Unit Perkhidmatan Pengurusan Hospital

## **SENARAI EDARAN**

### **Pengarah Hospital**

#### **Perlis**

Hospital Tuanku Fauziah, Kangar

#### **Kedah**

Hospital Sultanah Bahiyah Alor Setar  
Hospital Sultan Abdul Halim, Sg Petani  
Hospital Kulim  
Hospital Baling  
Hospital Langkawi  
Hospital Sik  
Hospital Yan  
Hospital Jitra  
Hospital Kuala Nerang

#### **Pulau Pinang**

Hospital Pulau Pinang  
Hospital Seberang Jaya  
Hospital Bukit Mertajam  
Hospital Sungai Bakap  
Hospital Kepala Batas  
Hospital Balik Pulau

#### **Perak**

Hospital Raja Permaisuri, Ipoh  
Hospital Taiping  
Hospital Teluk Intan  
Hospital Parit Buntar  
Hospital Kuala Kangsar  
Hospital Batu Gajah  
Hospital Kampar  
Hospital Tapah  
Hospital Slim River  
Hospital Seri Manjung  
Hospital Gerik

Hospital Selama  
Hospital Sungai Siput  
Hospital Changkat Melintang

### **Selangor**

Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang  
Hospital Selayang  
Hospital Serdang  
Hospital Ampang  
Hospital Sungai Buloh  
Hospital Kajang  
Hospital Banting  
Hospital Kuala Kubu Baru  
Hospital Tengku Ampuan Jemaah Sabak Bernam  
Hospital Orang Asli, Gombak  
Hospital Tanjong Karang  
Hospital Shah Alam

### **Wilayah Persekutuan**

Hospital Kuala Lumpur  
Hospital Putrajaya  
Hospital Labuan

### **Negeri Sembilan**

Hospital Tuanku Jaafar, Seremban  
Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah  
Hospital Port Dickson  
Hospital Tampin  
Hospital Jelebu  
Hospital Jempol  
Hospital Rembau

### **Melaka**

Hospital Melaka  
Hospital Alor Gajah  
Hospital Jasin

### **Johor**

Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru  
Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru  
Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar  
Hospital Sultanah Nora, Batu Pahat  
Hospital Segamat  
Hospital Enche' Besar Hajah Khalsom, Kluang  
Hospital Kota Tinggi  
Hospital Pontian  
Hospital Mersing

Hospital Tangkak  
Hospital Maharaja Tun Ibrahim, Kulai

### **Pahang**

Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan  
Hospital Sultan Hj. Ahmad Shah, Temerloh  
Hospital Pekan  
Hospital Bentong  
Hospital Raub  
Hospital Kuala Lipis  
Hospital Jerantut  
Hospital Jengka  
Hospital Rompin  
Hospital Muadzam Shah  
Hospital Sultanah Kalsom, Cameron Highland

### **Terengganu**

Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu  
Hospital Kemaman  
Hospital Dungun  
Hospital Besut  
Hospital Hulu Terengganu  
Hospital Setiu

### **Kelantan**

Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu  
Hospital Kuala Krai  
Hospital Machang  
Hospital Pasir Mas  
Hospital Tanah Merah  
Hospital Tumpat  
Hospital Tengku Anis, Pasir Puteh  
Hospital Gua Musang  
Hospital Jeli

### **Sabah**

Hospital Queen Elizabeth I  
Hospital Queen Elizabeth II  
Hospital Duchess Of Kent, Sandakan  
Hospital Tawau  
Hospital Keningau  
Hospital Lahad Datu  
Hospital Beaufort  
Hospital Beluran  
Hospital Kota Belud  
Hospital Kudat  
Hospital Papar  
Hospital Ranau

Hospital Semporna  
Hospital Tambunan  
Hospital Tenom  
Hospital Sipitang  
Hospital Kota Marudu  
Hospital Kinabatangan  
Hospital Kunak  
Hospital Kuala Penyu  
Hospital Pitas  
Hospital Tuaran

### **Sarawak**

Hospital Umum Sarawak  
Hospital Bintulu  
Hospital Sibu  
Hospital Miri  
Hospital Limbang  
Hospital Sarikei  
Hospital Kapit  
Hospital Serian  
Hospital Lundu  
Hospital Sri Aman  
Hospital Saratok  
Hospital Mukah  
Hospital Kanowit  
Hospital Marudi  
Hospital Lawas  
Hospital Betong  
Hospital Daro  
Hospital Bau  
Hospital Simunjan  
Hospital Rajah Charles Brooke Memorial  
Hospital Dalat  
Pusat Jantung Sarawak

### **Institusi Kesihatan**

Institut Kanser Negara  
Hospital Bahagia Ulu Kinta  
Hospital Permai Johor Bahru  
Hospital Mesra Bukit Padang, Kota Kinabalu  
Hospital Sentosa Kuching  
Hospital Wanita dan Kanak-kanak Likas  
Hospital Rehabilitasi, Cheras

# PANDUAN *PRIVILEGING* PENGURUSAN IBADAH PESAKIT BAGI PROGRAM HOSPITAL MESRA IBADAH

## 1.0 TUJUAN

Untuk dijadikan panduan bagi pengurusan hospital menetapkan pemberian *privileging* kepada anggota hospital sebagai pegawai pelaksana mesra ibadah (PPMI) dan *liaison officer* Program Hospital Mesra Ibadah (HMI).

## 2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Audit Pensijilan Hospital Mesra Ibadah bertujuan memberi pengiktirafan kepada hospital yang melaksanakan Program Hospital Mesra Ibadah. Audit ini adalah berdasarkan kepada 6 standard di dalam Manual Audit Pensijilan.
- 2.2 *Privileging* ini adalah bertujuan memberi pengiktirafan dan hak keistimewaan mengamal dalam pengurusan ibadah pesakit kepada anggota hospital selain dari skim perkhidmatan hal ehwal Islam. Ia akan mewujudkan tanda aras atau piawaian untuk kebolehan mengamal.

## 3.0 PRINSIP ASAS DAN TAFSIRAN

### 3.1 *Credential* (Pengiktirafan)

3.1.1 *Credentials* merupakan suratakuan bertauliah yang mempamerkan kelayakan dan status kepakaran seseorang individu. Ia juga merupakan pengiktirafan terhadap kelulusan dan latihan profesional yang telah dilalui oleh anggota hospital.

3.1.2 *Credentialing* adalah:

- a) Satu proses menetapkan keperluan (standard) dan membuat evaluasi terhadap kelayakan seseorang berdasarkan keperluan latihan profesional dan pengalaman.
- b) Ia melibatkan pengumpulan dan penilaian bukti kelayakan individu tersebut.
- c) Proses *credentialing* ini diluluskan oleh suatu badan yang diiktiraf seperti Kementerian Kesihatan Malaysia dan JAKIM.

### 3.2 *Privileging* (Hak Keistimewaan)

3.2.1 *Privileging* adalah hak keistimewaan yang diberikan kepada anggota hospital bagi memberikan rawatan atau menjalankan prosedur terhadap pesakit di hospital berdasarkan kelayakan latihan, pengalaman dan kecekapan.



**3.2.2** *Privileging* diberikan oleh Jawatankuasa *Privileging* HMI setelah anggota memenuhi kriteria yang telah ditetapkan. Anggota hospital akan diberi latihan minimum supaya kompeten dan menepati keperluan serta membolehkannya diberi hak keistimewaan untuk melaksanakan pengurusan ibadah pesakit.

**3.2.3** *Privileging* ini diberi kepada anggota hospital yang berkhidmat di hospital berkenaan sahaja dan tempoh sah laku sijil adalah selama 3 tahun.

### **3.3 Penilaian Kompetensi**

Penilaian kompetensi dilaksanakan oleh Jawatankuasa *Privileging* HMI dalam tempoh yang ditetapkan setelah permohonan *privileging* diterima daripada anggota hospital.

Penilaian ini akan menentukan kefahaman dan kemahiran anggota hospital dalam melaksanakan pengurusan ibadah pesakit merangkumi latihan pegawai, pendidikan berterusan, pengalaman dan kriteria-kriteria lain.

### **3.4 Pegawai Yang Terlibat Dalam Program Hospital Mesra Ibadah**

#### **3.4.1 Pegawai Agama**

Pegawai agama hospital merupakan pakar rujuk dalam bidangnya dan tidak perlu menjalani *privileging*.

#### **3.4.2 HMI Educator (HMIE)**

**3.4.2.1** HMIE adalah anggota hospital, selain daripada pegawai agama hospital, yang dilantik oleh Jawatankuasa Hospital Mesra Ibadah (JKHMI) dan telah diberi *privileged*.

**3.4.2.2** Tanggungjawab HMIE dalam pelaksanaan Program HMI adalah seperti berikut:

- a) Menyimpan dan mengemaskini data-data latihan kakitangan, orientasi pesakit dan data peralatan ibadah di wad masing-masing.
- b) Menyelia latihan kakitangan berkaitan HMI.
- c) Memantau peralatan ibadah, bahan pendidikan ibadah pesakit dan lain-lain lagi.
- d) Memastikan Pegawai Pelaksana Mesra Ibadah (PPMI) mematuhi Polisi HMI.
- e) Menyemak dan mengesahkan buku log *privileging* HMI bagi PPMI.
- f) Membantu JKHMI dalam memantau tugas yang

dijalankan oleh PPMI.

- g) Menjadi sumber rujukan bagi permasalahan/ perbincangan mengenai ibadah pesakit

### 3.4.3 Pegawai Pelaksana Mesra Ibadah (PPMI)

PPMI adalah anggota hospital yang diberi *privileging* di peringkat hospital dalam pengurusan ibadah pesakit.

## 4.0 TERMA RUJUKAN AHLI MESYUARAT *PRIVILEGING* BAGI JAWATANKUASA HMI

### 4.1 Keahlian

4.1.1 Ahli Jawatankuasa *Privileging* HMI terdiri daripada:

<b>Penaung</b>	:	Pengarah Hospital
<b>Pengerusi</b>	:	Pengerusi JKHMI
<b>Timbalan Pengerusi</b>	:	Timbalan Pengerusi JKHMI
<b>Setiausaha</b>	:	Pegawai Hal Ehwal Islam Hospital (jika ada) atau Pegawai Hal Ehwal Islam daripada hospital dalam kluster atau hospital yang berdekatan.
<b>Ahli</b>	:	3 orang HMIE (sama ada Pegawai Perubatan, Jururawat atau Penolong Pegawai Perubatan)

### 4.1.2 Tanggungjawab Ahli Jawatankuasa *Privileging* HMI

- a) Menerajui dan melaksanakan aktiviti *privileging* program HMI di peringkat hospital.
- b) Memantau dan menilai pelaksanaan dan keberkesanan program *privileging* di hospital.
- c) Mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya 2 kali setahun atau bergantung kepada permohonan dari kalangan anggota hospital.
- d) Memberi kelulusan *privileging* selepas mendapat persetujuan ahli mesyuarat.
- e) Menarik semula kelayakan *privileging* atas sebab-sebab yang seperti yang dinyatakan pada perkara 6.0.
- f) Meminda dan mengemaskini prosedur-prosedur di dalam buku log mengikut kesesuaian hospital masing-masing.

### 4.2 Lantikan

- 4.2.1 a) Setiap ahli mesyuarat dilantik oleh Pengarah Hospital.
- b) Sekiranya ahli mesyuarat telah berhenti atau berpindah keluar,



- pelantikan ahli baru boleh dibuat mengikut kelayakan.
- c) Keahlian adalah untuk selama dua (2) tahun.
  - d) HMIE boleh dilantik dari kalangan anggota hospital masing-masing atau dari hospital kluster/hospital berdekatan.

#### **4.3 Tatacara Mesyuarat**

- 4.3.1** Kelulusan *privileging* kepada anggota hospital akan dibincangkan dalam Mesyuarat *Privileging* HMI, dengan kehadiran minimum adalah tiga (3) orang ahli dalam satu mesyuarat termasuk:
  - a) Pengerusi Jawatankuasa HMI
  - b) Setiausaha
  - c) HMIE
- 4.3.2** Ahli mesyuarat tidak boleh mewakili orang lain dalam mesyuarat *privileging* untuk memberi kelulusan *privileging*.
- 4.3.3** Menjalankan mesyuarat sekurang-kurangnya 2 kali setahun atau bergantung kepada permohonan dari kalangan anggota hospital.

#### **4.4 Pensijilan**

- a) Setiausaha bertanggungjawab mengeluarkan sijil dalam tempoh masa 30 hari selepas mesyuarat *privileging* dilakukan.
- b) Sijil asal akan diberikan kepada pemohon. Tempoh sah sijil adalah 3 tahun.
- c) Pangkalan data bagi anggota yang telah menerima sijil *privileging* perlu diwujudkan.
- d) Anggota hospital boleh memohon untuk pembaharuan *privileging* dalam masa 6 bulan sebelum tamat tempoh sah berkenaan.

### **5.0 PROSES PERMOHONAN *PRIVILEGING***


- 5.1 Borang Permohonan *Privileging***  
Rujuk Lampiran 1
- 5.2 Kriteria Pegawai Yang Boleh Memohon *Privileging***  
Rujuk Lampiran 2
- 5.3 Carta Alir Proses Permohonan *Privileging***  
Rujuk Lampiran 3
- 5.4 Buku log latihan**  
Rujuk Lampiran 4

## 6.0 PENARIKAN KELAYAKAN

Jawatankuasa *Privileging* HMI boleh menarik balik kelayakan *privileging* yang telah diberikan kepada anggota hospital sekiranya didapati:

- a) Mengisytihar maklumat yang salah dalam permohonan *privileging*.
- b) Memalsukan maklumat dalam buku log termasuk perkara penyeliaan.
- c) Menyampaikan maklumat yang salah kepada pesakit.
- d) Mendatangkan mudarat kepada pesakit.
- e) Menyalahguna kuasa dalam pengesahan permohonan *privileging*.

**LAMPIRAN 3. CARTA ALIR PERMOHONAN PRIVILEGING UNTUK DILULUSKAN OLEH JAWATANKUASA PRIVILEGING HMI**



**Nota:**

**\*Mesyuarat Privileging diadakan sekurang-kurangnya 2 kali setahun.**

**\*\*Pegawai memohon menggunakan borang permohonan privileging pengurusan ibadah pesakit.**

**LAMPIRAN 2. KRITERIA PEMOHON BAGI PRIVILEGING DALAM PENGURUSAN IBADAH PESAKIT**

NO.	KRITERIA	KEPERLUAN (REQUIREMENTS)
1.	<b>Syarat-Syarat</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Beragama Islam</li> <li>- Anggota hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (pelbagai kategori perjawatan)</li> <li>- Telah bertugas minimum 3 bulan di hospital</li> </ul>
2.	<b>Kelayakan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Telah menghadiri Bengkel/ Training Of Trainers (ToT) Pengurusan Ibadah Pesakit; atau</li> <li>- Telah menghadiri Kursus/Seminar/Latihan Pengurusan Ibadah Pesakit</li> </ul>
3.	<b>Kelayakan Tambahan</b>	<p>Jika ada, telah menghadiri:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kursus Kemahiran Pengurusan Jenazah</li> <li>- Kursus <i>Spiritual Care</i></li> <li>- Kursus Kaunseling Syarie</li> <li>- Kursus Fiqh Perubatan dan lain-lain</li> </ul>

<b>KRITERIA BAGI PENYELIA / PEGAWAI PENYOKONG PRIVILEGING DALAM PENGURUSAN IBADAH PESAKIT</b>
Pegawai yang mempunyai pengalaman sebagai <i>HMI Educator</i> (HMIE) Program HMI minimum setahun; atau Pegawai agama hospital

<b>PEGAWAI YANG MELULUSKAN PRIVILEGING</b>
Pengerusi Jawatankuasa Hospital Mesra Ibadah.

(No. pendaftaran borang – hospital masing-masing)

(No Siri: \_\_\_\_\_ )



Gambar  
Pegawai

Logo  
Hospital  
Masing-  
masing

HOSPITAL: \_\_\_\_\_

JABATAN/ WAD/ UNIT: \_\_\_\_\_

**PERMOHONAN UNTUK PRIVILEGING PENGURUSAN IBADAH PESAKIT  
PROGRAM HOSPITAL MESRA IBADAH**

Saya memohon untuk:

- Permohonan baru (*Privileging*)
- Permohonan semula (*Re-Privileging*)
- Permohonan *privileging* bagi pegawai baru berpindah masuk

**1. Kategori Pemohon:**

Jururawat / Penolong Pegawai Perubatan / Pembantu Perawatan Kesihatan/  
Lain-lain (sila nyatakan): \_\_\_\_\_

**2. Maklumat Peribadi:**

Nama : \_\_\_\_\_  
No Kad Pengenalan : \_\_\_\_\_  
Jawatan / Gred : \_\_\_\_\_

**3. Kelayakan Akademik:**

PhD / Sarjana / Ijazah Sarjana Muda / Diploma / Post- basic / Kursus Profesional / dll	Universiti / Kolej	Tahun Kelayakan

Lain-lain bidang latihan / kelayakan yang berkaitan (sila nyatakan):

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Saya memohon kebenaran untuk melakukan prosedur-prosedur berkaitan  
pengurusan ibadah pesakit.



(No. pendaftaran borang – hospital masing-masing)

Saya mengakui maklumat yang diberikan adalah lengkap dan tepat. Bersama-sama ini dikemukakan:

- Salinan Sijil/ Slip Kehadiran ToT/ Bengkel Pengurusan Ibadah Pesakit yang telah diakui sah.
- Buku Log yang lengkap dan telah disahkan.
- Salinan Sijil *Privileging* terdahulu yang telah diakui sah (bagi permohonan semula / *Re-Privileging*)
- Salinan Sijil *Privileging* dari hospital asal yang telah diakui sah (bagi permohonan *privileging* bagi pegawai yang baru berpindah masuk)

\_\_\_\_\_  
Tandatangan Pemohon

Tarikh:

\_\_\_\_\_  
Saya **menyokong / tidak menyokong** permohonan pegawai tersebut untuk diberikan *privileging* pengurusan ibadah pesakit.  
(jika tidak disokong, nyatakan sebab)

\_\_\_\_\_  
Penyelia / Pegawai Agama  
Jawatankuasa Hospital Mesra Ibadah

Tarikh:

**Keputusan Permohonan *Privileging***

Jawatankuasa *Privileging* HMI telah menyemak kompetensi pegawai dan **meluluskan / tidak meluluskan** untuk pegawai diberikan *privileging* selama 3 tahun bagi pengurusan ibadah pesakit.

(jika tidak diluluskan, nyatakan sebab)

---

---

---

Pengerusi

Jawatankuasa Hospital Mesra Ibadah

Tarikh:



Logo  
Hospital  
Masing-  
masing

**BUKU LOG**  
**PENGURUSAN IBADAH PESAKIT**  
**PROGRAM HOSPITAL MESRA IBADAH**

**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**  
**2021**

## MAKLUMAT PERIBADI



**NAMA** :

**NO. KAD PENGENALAN** :

**JAWATAN/ GRED** :

**TEMPAT BERTUGAS** :

**PEGAWAI AGAMA/  
PENYELIA** :

## ISI KANDUNGAN

Perkara	Muka Surat
<b>1. Amali Tayammum</b>	
(a) pesakit yang memerlukan bantuan/ <i>dependent</i>	4
(b) pesakit tidak memerlukan bantuan/ <i>independent</i>	5
<b>2. Amali Wuduk Dengan Botol Semburan Wuduk</b>	
(a) pesakit yang memerlukan bantuan/ <i>dependent</i>	6
(b) pesakit yang tidak memerlukan bantuan/ <i>independent</i>	7
<b>3. Amali Solat Ketika Sakit</b>	
(a) Pesakit Duduk Di Atas Kerusi / Katil	8
(b) Pesakit Baring	9
<b>4. Pengesahan Previlaging Amali Ibadat Pesakit</b>	10
<b>4. Appendix</b>	
(a) Senarai Semak Panduan Tayammum	11
(b) Senarai Semak Panduan Wuduk Menggunakan Botol Semburan Wuduk	12-13
(c) Senarai Semak Panduan Wuduk Menggunakan Botol Semburan Wuduk (Jika Terdapat Anggota Yang Dibalut)	14-16
(d) Senarai Semak Panduan Solat Ketika Duduk	17
(e) Senarai Semak Panduan Solat Ketika Baring	18



**1. Amali Tayammum**

**(a) Pesakit Yang Memerlukan Bantuan/Dependent**

<b>Bil</b>	<b>RN Pesakit</b>	<b>Lokasi</b>	<b>Tarikh</b>	<b><i>Observed</i></b>	<b><i>Performed</i></b>	<b>T/Tgn Penyelia</b>

**Nota:**

**Melaksanakan sekurang-kurangnya 2 tataraka di bawah penyeliaan pegawai yang dilantik (termasuk sekurang-kurangnya 1 amali pada anggota badan yang berbalut / POP)**

**1. Amali Tayammum**

**(b) Pesakit Tidak Memerlukan Bantuan/ *Independent***

<b>Bil</b>	<b>RN Pesakit</b>	<b>Lokasi</b>	<b>Tarikh</b>	<b><i>Observed</i></b>	<b><i>Performed</i></b>	<b>T/Tgn Penyelia</b>

**Nota:**  
**Melaksanakan sekurang-kurangnya 5 taticara di bawah penyeliaan pegawai yang dilantik (termasuk sekurang-kurangnya 1 amali pada anggota badan yang berbalut / POP)**

**2. Amali Wuduk Dengan Botol Semburan Wuduk**  
**(a) Pesakit Yang Memerlukan Bantuan/Dependent**

<b>Bil</b>	<b>RN Pesakit</b>	<b>Lokasi</b>	<b>Tarikh</b>	<b><i>Observed</i></b>	<b><i>Performed</i></b>	<b>T/Tgn Penyelia</b>

**Nota:**  
**Melaksanakan sekurang-kurangnya 3 tataraca di bawah penyeliaan pegawai yang dilantik (termasuk sekurang-kurangnya 1 amali pada anggota badan yang berbalut / POP)**

**2. Amali Wuduk Dengan Botol Semburan Wuduk**  
**(b) Pesakit Yang Tidak Memerlukan Bantuan//Independent**

<b>Bil</b>	<b>RN Pesakit</b>	<b>Lokasi</b>	<b>Tarikh</b>	<b><i>Observed</i></b>	<b><i>Performed</i></b>	<b>T/Tgn Penyelia</b>

**Nota:**  
**Melaksanakan sekurang-kurangnya 5 taticara di bawah penyeliaan pegawai yang dilantik (termasuk sekurang-kurangnya 1 amali pada anggota badan yang berbalut / POP)**

### 3. Amali Solat Ketika Sakit

#### (a) Pesakit Duduk Di Atas Kerusi / Katil

Bil	RN Pesakit	Lokasi	Tarikh	<i>Observed</i>	<i>Performed</i>	T/Tgn Penyelia

**Nota:**  
**Melaksanakan sekurang-kurangnya 3 tataraca di bawah penyeliaan pegawai yang dilantik**



**3. Amali Solat Ketika Sakit  
(b) Pesakit Baring**

<b>Bil</b>	<b>RN Pesakit</b>	<b>Lokasi</b>	<b>Tarikh</b>	<b><i>Observed</i></b>	<b><i>Performed</i></b>	<b>T/Tgn Penyelia</b>

**Nota:**  
**Melaksanakan sekurang-kurangnya 1 tatacara di bawah penyeliaan pegawai yang dilantik**

### **PENGESAHAN PRIVILEGING AMALI IBADAH PESAKIT**

Dengan ini dimaklumkan \_\_\_\_\_ telah berjaya  
melengkapkan latihan amali pengurusan ibadah pesakit.

Tandatangan Nama Penyelia/ :  
Pegawai Agama

Cop Rasmi :

Tarikh :

## APPENDIX

### SENARAI SEMAK PANDUAN TAYAMMUM

BIL	PERKARA
1	Sediakan peralatan (debu tayammum).
2	Baca basmallah.
3	Tepuk dua tapak tangan pada debu tayammum dan menipiskan debu tayammum.
4	Sapu dan ratakan debu tayammum ke muka beserta niat.
5	Buang saki baki debu yang ada pada tapak tangan.
6	Tepuk sekali lagi kedua tapak tangan pada debu tayammudan menipiskan debu tayammum.
7	Sapu debu tayammum di tangan kanan, kemudian tangan kiri sehingga melepasi paras siku.
8	Tertib

**SENARAI SEMAK PANDUAN WUDUK MENGGUNAKAN BOTOL SEMBURAN WUDUK**

BIL	PERKARA
1.	Isikan botol wuduk tersebut dengan air mutlak
2.	Baca basmallah
3.	<b>Basuh muka :</b>  Semburkan air ke tapak tangan (untuk membasuh muka) <b>atau</b> semburkan air terus ke seluruh muka.  Ratakan air ke seluruh muka beserta niat wuduk.
4.	<b>Basuh tangan:</b>  Semburkan air ke tapak tangan untuk membasuh tangan kanan (basuh tangan hingga ke siku) <b>atau</b> semburkan air terus ke tangan kanan hingga ke siku.  Ratakan air ke tangan hingga ke siku.

	Ulang langkah bagi tangan kiri.
5.	<p><b>Basuh sebahagian kepala:</b></p> <p>Semburkan air ke tapak tangan untuk menyapu sebahagian kepala <b>atau</b> semburkan air terus ke bahagian kepala.</p> <p>Menyapu sebahagian daripada kepala.</p>
6.	<p><b>Basuh kaki:</b></p> <p>Semburkan air ke tapak tangan untuk menyapu kaki kanan (basuh kaki kanan hingga ke buku lali) <b>atau</b> semburkan air terus ke kaki kanan.</p> <p>Ratakan air ke kaki kanan hingga ke buku lali.</p> <p>Ulang langkah bagi kaki kiri.</p>
7.	Tertib



**SENARAI SEMAK PANDUAN WUDUK MENGGUNAKAN BOTOL SEMBURAN WUDUK**  
**(JIKA TERDAPAT ANGGOTA YANG DIBALUT)**

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>
1.	Isikan botol wuduk tersebut dengan air mutlak
2.	Baca basmallah
3.	<p><b>Basuh muka :</b> Semburkan air ke tapak tangan (untuk membasuh muka) <b>atau</b> semburkan air terus ke seluruh muka.</p> <p>Ratakan air ke seluruh muka beserta niat wuduk.</p> <p><b><u>JIKA SEBAHAGIAN MUKA BERBALUT :</u></b></p> <p>Semburkan air ke tapak tangan, kemudian renjiskan air tersebut seterusnya sapu ke atas anggota wuduk yang berbalut.</p>

<p>4.</p>	<p><b>Basuh tangan :</b></p> <p>Semburkan air ke tapak tangan untuk membasuh tangan kanan (basuh tangan hingga ke siku) <b>atau</b> semburkan air terus ke tangan kanan hingga ke siku.</p> <p>Ratakan air ke tangan hingga ke siku.</p> <p>Ulang langkah bagi tangan kiri.</p> <p><b><u>JIKA SEBAHAGIAN TANGAN BERBALUT :</u></b></p> <p>Semburkan air ke tapak tangan, kemudian renjiskan air tersebut seterusnya sapu ke atas anggota wuduk yang berbalut.</p>
<p>5.</p>	<p><b>Basuh sebahagian kepala:</b></p> <p>Semburkan air ke tapak tangan untuk menyapu sebahagian kepala <b>atau</b> semburkan air terus ke bahagian kepala.</p> <p>Menyapu sebahagian daripada kepala.</p>

	<p><b><u>JIKA SEBAHAGIAN KEPALA BERBALUT :</u></b>  Semburkan air ke tapak tangan, kemudian renjiskan air tersebut seterusnya sapu ke atas anggota wuduk yang berbalut.</p>
6.	<p><b>Basuh kaki:</b></p> <p>Semburkan air ke tapak tangan untuk menyapu kaki kanan (basuh kaki kanan hingga ke buku lali) <b>atau</b> semburkan air terus ke kaki kanan.</p> <p>Ratakan air ke kaki kanan hingga ke buku lali.</p> <p>Ulang langkah bagi kaki kiri.</p> <p><b><u>JIKA SEBAHAGIAN KAKI BERBALUT :</u></b>  Semburkan air ke tapak tangan, kemudian renjiskan air tersebut seterusnya sapu ke atas anggota wuduk yang berbalut.</p>
7.	Tertib

## SENARAI SEMAK PANDUAN SOLAT KETIKA DUDUK

# CARA SOLAT PESAKIT

### Solat Cara Duduk



- Duduk ikut Kemampuan
- Jika tidak selesa, boleh duduk sambil jalur kaki
- Kedudukan tangan sama seperti solat berdiri
- Mengadap kiblat



- Rukuk dengan cara menundukkan badan
- Tangan di atas kepala lutut



- Sujud seperti biasa jika mampu
- Sebaliknya jika tidak mampu, bengkokkanlah badan lebih sedikit daripada rukuk tadi dengan niat melakukan sujud



- Di akhiri dengan salam seperti solat biasa

## SENARAI SEMAK PANDUAN SOLAT KETIKA BARING

